

23/03/2004

Undi majoriti senyap faktor kejayaan di Terengganu

Manja Ismail

APABILA calon Barisan Nasional (BN), Datuk Tengku Zainuddin Tengku Zaid memberitahu sekumpulan pemerhati politik dari Kuala Lumpur selepas beliau berkempen di Ru Rendang pada awal pagi Sabtu lalu bahawa BN akan menang besar di Terengganu, tiada seorang pun percaya walaupun mengaku parti itu berpeluang cerah membentuk kerajaan negeri.

Tengku Zainuddin atau lebih dikenali sebagai Kuza di kalangan penduduk setempat meramalkan Pas hanya menang satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu di Wakaf Mempelam, manakala BN bukan saja menang di baki 31 kerusi DUN tetapi menyapu bersih semua kerusi Parlimen.

Walaupun Kuza tewas buat kali kedua di kerusi Ru Rendang, lawannya ialah Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Hakikat bahawa beliau hanya tewas 1,435 undi berbanding 3,843 undi pada 1999 ketika Hadi belum menjadi menteri besar, adalah satu kejayaan peribadi.

Begitu juga dengan kekalahan tiga lagi rakannya, Hamzah Mohd Zain di Wakaf Mempelam; Wan Sagar Wan Embong di Manir dan Datuk Che Mat Mat Jusoh di Batu Buruk.

Hamzah tewas kepada Abdul Wahid Endut dengan 1,888 undi; Wan Sagar kepada Datuk Harun Taib (310 undi) dan Che Mat kepada Datuk Wan Mutalib Embong (140). Selain empat kerusi ini adalah kubu kuat Pas, tiga penyandangannya adalah tokoh utama Pas.

Ternyata pesanan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dan khabar angin yang bertiup dua hari sebelum pengundian kononnya Menteri Besar dan exco kerajaan negeri sudah mengemas bilik masing-masing di Wisma Darul Iman, bukan sekadar gurauan kempen pilihan raya tetapi menjadi kenyataan.

Memang ramai terkejut dengan kejayaan BN menebus semula kekalahannya pada 1999 dengan kedudukan yang sama iaitu 28-4 bagi kerusi DUN, serta menyapu semua lapan kerusi Parlimen termasuk satu daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri ketika mengulas kejayaan itu pagi semalam berkata: "BN sudah berasa di Terengganu memang ada harapan baik untuk kembali memerintah dan rasa mungkin kali ini kita akan menikmati sokongan besar."

Keputusan di Terengganu itu tentunya lebih mengejutkan Pas sendiri, yang sebelum ini bukan saja terlalu yakin dapat mengekalkan kuasanya, malah sudah bersedia untuk mengeksport gaya pentadbirannya ke Kedah dan Perlis

Hadi ketika mengulas keputusan itu menyifatkannya sebagai sesuatu yang luar biasa serta memerlukan 'bedah siasat' secara menyeluruh termasuk hubungan parti itu dengan parti lain di bawah pakatan pembangkang.

Sementara semua bersetuju bahawa faktor utama kemenangan besar BN adalah gaya kepemimpinan Perdana Menteri serta tumpuan yang diberikan kepada negeri itu sehingga dua kali melawat Terengganu dalam tempoh 48 jam sehari sebelum pengundian, beberapa faktor lain juga turut membantu keputusan yang nyaris melenyapkan wakil Pas di dalam DUN Terengganu itu.

Janji Pak Lah bahawa rakyat Terengganu akan menikmati pembangunan yang belum pernah dikecapi mereka dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh, akan menjadi Menteri Besar jika BN menang ketika melawat Jertih Khamis lalu, berjaya meningkatkan semangat jentera pilihan raya BN untuk bekerja keras pada saat akhir, di samping menarik sokongan pengundi atas pagar dan pemilih baru.

Sama seperti punca kekalahan BN pada 1999, faktor kejayaan besarnya kali ini ialah undi kumpulan majoriti senyap terdiri daripada kalangan

kakitangan kerajaan dan pengundi muda, yang tidak terlalu terikat dengan parti, sama ada Pas atau Umno.

Jika dulu, golongan ini termasuk mereka yang tinggal di luar Terengganu secara sukarela pulang untuk mengundi Pas, mereka kali ini turut berbuat demikian tetapi bagi memastikan kemenangan BN. Sokongan padu oleh penyokong Umno sendiri menyebabkan BN bukan saja menang besar, malah berjaya meningkat majoriti di sebahagian besar kerusi.

Keberanian BN meletakkan 60 peratus calon muka baru terdiri daripada kalangan profesional sehingga mengetepikan orang lama termasuk beberapa pemimpin Umno bahagian, memberi keyakinan kepada pengundi bahawa BN memang benar-benar serius untuk melakukan perubahan kali ini.

Perbuatan sabotaj atau 'peteh keting' yang agak sinonim dengan politik Umno Terengganu dalam beberapa pilihan raya umum lalu ternyata tidak berlaku pada tahap yang boleh menjejaskan peluang BN.

Idris ketika diminta memberikan faktor kejayaan BN Terengganu selain faktor Pak Lah, secara spontan berkata perpaduan yang ditunjukkan oleh ahli Umno, sama ada pada peringkat perhubungan, bahagian, cawangan dan akar umbi kali ini cukup memberangsangkan.

"Tidak berlaku peteh keting. Jika pun ada, ia terlalu kecil untuk mempengaruhi peluang BN. Selain itu, jentera pilihan raya kita, yang ditubuhkan sejak dua tahun lalu berjalan dengan baik walaupun dalam serba kekurangan berbanding Pas," katanya.

Pandangan Idris itu turut dikongsi oleh Datuk Rosli Mat Hassan, yang menewaskan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali di kerusi Parlimen Dungun.

"Walaupun pelbagai cerita disebar mengenai rasa tidak puas hati akar umbi terhadap calon tertentu, ia tidak menjejaskan jentera BN.

"Selain itu, kempen Gelombang Biru oleh BN Terengganu terbukti memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kami memang serius dan ikhlas untuk membela nasib mereka yang menjadi mangsa politik Pas," katanya.

Memang faktor prestasi kerajaan Pas sendiri tidak kurang pentingnya dalam memberikan kejayaan besar kepada BN Terengganu kali ini. Selain tiada satu pun program pembangunan Pas yang boleh dibanggakan, tindak tanduk kebanyakan Exco dan pemimpin akar umbinya tidak mencerminkan mewakili parti yang kononnya berlandaskan ajaran Islam.

Dalam kata lain, rakyat terutama kumpulan majoriti senyap sudah agak meluat dengan pelbagai tindakan kerajaan Pas dan pemimpinnya sejak mereka memerintah empat tahun lalu, seperti mereka sudah jemu dengan kepemimpinan BN negeri pada Pilihan Raya Umum 1999.

Seorang aktivis sosial tempatan, Raja Arif Raja Ali, berkata rakyat Terengganu sebenarnya menolak kepemimpinan Hadi yang dilihat agak ego dan lebih mencari kesalahan orang lain daripada kesilapan sendiri.

"Kebanyakan rakyat Terengganu tidak dapat menerima pemimpin yang gong (ego) dan agas (sombong). Selain itu, pentadbiran kerajaan negeri 'dok rok cetong' (tidak cekap). Kenyataan dan tindakan Hadi sejak memimpin kerajaan negeri kini memakan diri.

"Ini amat berbeza dengan kepemimpinan Pak Lah yang dilihat berjurus, lurus, telus dan tulus, manakala Idris pada peringkat negeri kelihatan jauh lebih cergas, tegas dan berwawasan berbanding Hadi," katanya.

Satu perkara yang boleh dipelajari daripada kemenangan besar BN di Terengganu kelmarin ialah rakyat negeri itu kini tidak lagi boleh dan mahu diperlekehkan. Mereka memilih semula BN kerana percaya dan yakin parti itu akan menunaikan janji untuk berkhidmat dan membela nasib rakyat, tanggungjawab yang akan dipikul Idris dan pasukannya.

Ulasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai kejayaan besar BN itu boleh dijadikan panduan kepada Idris dan rakan-rakannya, yang dijadualkan mengangkat sumpah Khamis ini.

"Biasanya kalau dah menang besar, jadi terlalu sombong dan angkuh,

seperti Pas di Terengganu sehingga akhirnya kalah semula. BN hendaklah rendahkan diri balik dan wakil rakyatnya menjalankan tugas seperti diharapkan rakyat," kata Dr Mahathir.